



Bantu pusat tahfiz di ibu kota

Kerajaan beri sokongan buat penambahbaikan, penuhi aspek keselamatan

KERAJAAN mengambil langkah proaktif membantu maahad tahfiz yang masih gagal memenuhi aspek keselamatan dengan menyusun semula kedudukan pusat pengajian itu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, hasil mesyuarat penyelarasan penempatan semula pusat tahfiz di Kuala Lumpur, kerajaan akan mengekalkan sebanyak 25 pusat tahfiz di tapak asal dan perlu ditambah baik bagi memenuhi aspek keselamatan.

"Pusat tahfiz berkenaan perlu diberi

konsultasi secara berterusan bagi membolehkan pengusaha mendapatkan kebenaran perancangan, kelulusan pelan bangunan dan kelulusan kebomgaan serta pembaikan struktur.

"Bagi lima pusat tahfiz lagi, dua daripadanya akan digabung, sebuah pusat kekal di tapak asal dengan pemajunya membina bangunan baharu dan selebihnya ditukar ke lokasi lain," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Kerajaan sedia tapak baharu, penuhi piawaian keselamatan DBKL, bomba

Bantu susun pusat tahfiz di KL

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

PUTRAJAYA – Kerajaan sekali lagi menegaskan tidak akan menutup pusat tahfiz yang tidak memenuhi aspek keselamatan sebaliknya menyusun semula dan membantu menambatkan dengan menyediakan tapak alternatif baharu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, hasil mesyuarat tentang penyelarasan penempatan semula pusat tahfiz di Kuala Lumpur adalah pusat berkenaan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kekal tetapi ditambah baik dan tukar lokasi penempatan.

Jelas beliau, sebanyak 25 pusat tahfiz dikekalkan di tapak asal dan perlu ditambah baik bagi memenuhi aspek keselamatan yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Pusat tahfiz berkenaan perlu diberi

konsultasi secara berterusan bagi membolehkan pengusaha mendapatkan kebenaran perancangan, kelulusan pelan bangunan dan kelulusan kebommbaan serta pembaikan struktur.

"Bagi lima pusat tahfiz lagi, dua daripadanya akan digabung, sebuah pusat kekal di tapak asal dengan pemajunya membina bangunan baharu dan selebihnya ditukar ke lokasi lain," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Khalid, DBKL dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan mencari tapak alternatif dan membeli bangunan asal pusat tahfiz terlibat.

Jelas beliau, wang hasil belian tersebut akan digunakan untuk membayar kos bagi membangunkan pusat tahfiz terlibat di tapak baharu selain menambah baik infrastruktur supaya sesuai dengan terma institusi.

"Status tanah akan ditukar kepada tanah institusi. Pada masa ini semua



KHALID



MUDIR Maahad Tahfiz Sentral Utama, Mohd. Azhari Umar Baki (tengah) bergambar bersama pelajar-pelajarnya di pusat pengajian itu di Bukit Kerinci, Pantai Dalam.

pemilik pusat tahfiz bersetuju tetapi DBKL akan berjumpa semula pemilik terlibat dan berbincang secara terperinci berkenaan harga serta lain-lain perkara," ujarnya.

Sebelum ini, beberapa kes mem-

babitkan aspek keselamatan pusat tahfiz berlaku antaranya kebakaran yang mengorbankan 24 nyawa di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Datuk Keramat, Kuala Lumpur pada 2017.

'Berilah keberkatan kepada pihak bantu tahfiz'

KUALA LUMPUR – Pengurusan Maahad Tahfiz Sentral Utama yang kini beroperasi dengan menumpang kawasan Surau Al-Falah, Pantai Sentral Park, Bukit Kerinci di sini menyambut baik usaha pihak kerajaan untuk menambah

baik pusat pengajian al-Quran yang wujud di sekitar ibu kota.

Mudirnya, Mohd. Azhari Umar Baki berkata, pihaknya memerlukan bangunan baharu bagi membolehkan rancangan untuk menambah bilangan pelajar

dapat dilaksanakan.

"Kita sudah berada di sini selama dua tahun dengan kehadiran 17 pelajar dan dua orang tenaga pengajar tetap. Kita terima kasih sangat-sangat. Alhamdulillah kerana ingin membantu kami.

"Madrasah boleh berjalan lancar mudah-mudahan Allah SWT beri keberkatan kepada sesiapa yang terlibat membantu pusat tahfiz," katanya kepada *Wilayahku* di sini baru-baru ini.

Mohd. Azhari berkata, pihaknya bercadang

sekiranya terdapat tapak baharu biarlah lokasi berkenaan berada di sekitar Pantai Dalam memandangkan kawasan tersebut sudah dikenali ramai.

"Kita ada cadangan untuk menambah pelajar tetapi meman-

dangkan masih dalam keadaan menumpang, jadi kita tidak berani untuk tambah lagi.

"Sekiranya sudah ada bangunan sendiri yang lebih baik, jadi kita bercadang untuk tambah pelajar, Insya-Allah," katanya.

Tingkat program sukarelawan

Oleh SALEKI AMAT JANURI

PUTRAJAYA – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disaran mempertingkatkan program menangani isu gejala sosial dalam kalangan belia dan remaja khususnya di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Shahrudin Md. Salleh berkata, usaha tersebut dapat membantu kerajaan menangani masalah sosial masyarakat bandar terutama golongan belia.

"Menjadi kewajipan kita termasuk NGO bergabung tenaga dan kepakaran bagi membantu pihak kerajaan menganjurkan program seumpama ini dalam usaha memobilisasikan sukarelawan ke arah membentuk keyakinan, kemahiran serta daya bertindak yang berkesan bagi menangani permasalahan sosial remaja di lapangan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Program Sukarelawan Eksplorasi Kota, Kami Prihatin anjuran Yayasan Ihtimam

Malaysia (YIM) di Masjid Jamek baru-baru ini.

Sementara itu, Setiausaha YIM, Zakuan Sawai berkata, program ini akan diteruskan pada masa akan datang terutama sempena sambutan perayaan utama dan hari kelepasan am.

Program Sukarelawan Eksplorasi Kota, Kami Prihatin melibatkan seramai 200 belia dan beliawanis terlatih turun ke lapangan menemui masyarakat dan menjalankan aktiviti kempen kesedaran.



SHAHRUDDIN (depan, tengah) hadir pada Program Sukarelawan Eksplorasi Kota: Kami Prihatin di Masjid Jamek Kuala Lumpur baru-baru ini.

LABUAN IBFC



Memperkukuhkan Ekonomi Labuan

Pulau Labuan (Labuan) telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan (WP Labuan) pada tahun 1984 diikuti oleh penubuhan Labuan sebagai sebuah Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (Labuan International Business and Financial Centre [Labuan IBFC]) pada tahun 1990. Labuan IBFC berfungsi sebagai pelengkap kepada ekosistem perkhidmatan kewangan domestik dan antarabangsa serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

Labuan IBFC juga akan terus komited dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya menerusi pelbagai penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti menaja projek-projek yang memberi manfaat kepada komuniti Labuan, pelaksanaan program pendidikan dan kerjaya, kempen kesedaran mengenai kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar serta lain-lain lagi.

**SAMA SAMA KITA BINA
LABUAN**

Labuan IBFC
International Business
and Financial Centre, Malaysia

www.labuanibfc.com

